

## Jangan potong BAP bagi tujuan lain

- Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI
- 16 Januari 2025, 1:38 pm



BARISAN pegawai pendidikan daerah di seluruh Pahang hadir menerima replika cek Bantuan Awal Persekolahan (BAP) di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, Indera Mahkota, Kuantan.

KUANTAN: Pengurusan sekolah diingatkan tidak memotong wang Bantuan Awal Persekolahan (BAP) yang disalurkan kepada ibu bapa atau penjaga pelajar bagi tujuan lain.

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pendidikan, Datuk Ahmad Suhami Endut berkata, ini termasuk pemotongan bagi pembentukan yuran persatuan ibu bapa dan guru (PIBG).

Katanya, bantuan berjumlah RM150 terbabit seharusnya diberikan sepenuhnya kepada ibu bapa atau penjaga untuk tujuan persiapan persekolahan anak mereka. "Kementerian telah mengarahkan pemberian ini tidak dipotong, termasuk bagi yuran PIBG. Bantuan ini perlu digunakan sepenuhnya untuk pendidikan.

"Kita sedar terdapat aduan dan kebimbangan daripada ibu bapa berhubung isu pemotongan ini. Kita tidak mahu perkara tersebut berlaku," katanya selepas menyempurnakan majlis penyerahan replika cek BAP 2025 peringkat Negeri Pahang di Auditorium Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang, Indera Mahkota, di sini hari ini.

Menurut Ahmad Suhami, sejumlah RM791.25 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan untuk pelaksanaan BAP bagi tahun ini

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM723.17 juta telah disalurkan kepada sekolah-sekolah di seluruh negara untuk diagihkan kepada 5.2 juta pelajar," katanya.

– **UTUSAN**